

Terma dan Syarat – Pakej Solusi Perancang Kewangan ASNB 2025

PERINGATAN: Pelanggan Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat yang dinyatakan di bawah serta terma dan syarat yang telah dikemas kini yang boleh didapati di <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>. Sekiranya Pelanggan Layak tidak memahami mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di sini atau yang telah dikemas kini, Pelanggan Layak dinasihatkan untuk berbincang dengan wakil Bank yang diberi kuasa.

1. Definisi

Bagi tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang berikut akan membawa maksud yang ditetapkan kepadanya melainkan konteks menghendaki sebaliknya: -

"Bank" bermaksud AmBank (M) Berhad (No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)) dan/atau AmBank Islamic Berhad (No. Syarikat: 199401009897 (295576-U)), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dengan alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Kumpulan, No.55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

"Promosi" bermaksud **AmBank (M) Berhad / AmBank Islamic Berhad: Pakej Penyelesaian Perancangan Kewangan ASNB** yang dianjurkan oleh ASNB dan Bank menurut terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di sini.

"Pelanggan Layak" bermaksud kesemua pelanggan Malaysia yang baru dan sedia ada untuk pelanggan Bank yang memenuhi semua kriteria kelayakan seperti yang ditetapkan di bawah klausa 3 di sini.

"Notis Terdahulu" bermaksud pemberitahuan yang dikeluarkan oleh Bank mengenai fakta-fakta tertentu atau keadaan tertentu sekurang-kurangnya tiga (3) hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa.

"ASM" ialah dana harga tetap aset campuran yang dikeluarkan oleh ASNB bertujuan untuk memberi peluang pelaburan jangka panjang kepada pemegang-pemegang unit untuk menjana pulangan yang kompetitif dan berterusan menerusi pelaburan dalam portfolio yang dipelbagaikan.

"ASNB" bermaksud Amanah Saham Nasional Berhad, ditubuhkan pada 22 Mei 1979 dan merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB).

"ASN Equity 5" ialah dana harga berubah ekuiti yang dikeluarkan oleh ASNB bertujuan untuk menyediakan pelabur yang ingin menghasilkan tahap kenaikan modal dan pengagihan pendapatan yang wajar kepada pelabur melalui portfolio pelaburan yang pelbagai.

"ASN Imbang 1" ialah dana campuran harga berubah seimbang aset yang dikeluarkan oleh ASNB untuk tujuan menjana pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang menerusi pelaburan dalam portfolio yang seimbang dan melalui pelaburan semula pengagihan pendapatan, sekiranya ada.

"ASN Sara 1" ialah dana harga berubah aset campuran konservatif yang dikeluarkan oleh ASNB bertujuan untuk menyediakan peluang pelaburan yang menjana pertumbuhan dan pulangan jangka panjang yang berpatutan dan pengaliran pendapatan yang stabil untuk membolehkan pemegang-pemegang unit dan/atau anak-anak dan/atau individu di bawah jagaan mereka mematuhi sebahagian atau kesemua keperluan persaraan mereka.

Terma dan Syarat – Pakej Solusi Perancang Kewangan ASNB 2025

“**ASN Sara 2**” ialah dana harga berubah aset campuran konservatif yang dikeluarkan oleh ASNB bertujuan untuk menyediakan peluang aliran tunai dan pendapatan yang berterusan kepada pelabur dengan potensi pertumbuhan dalam jangka panjang.

“**ASN Sukuk**” ialah dana harga berubah sukuk yang dikeluarkan oleh ASNB bertujuan untuk memberikan peluang pendapatan yang stabil dan pertumbuhan modal kepada pelabur melalui pelaburan dalam portfolio sukuk dan aset cair Islamik.

“**Nilai Aset Bersih (NAB)**” ditentukan dengan menolak nilai liabiliti Dana daripada nilai aset Dana pada titik penilaian.

“**NAB seunit**” ialah NAB Dana yang dibahagikan dengan bilangan unit dalam edaran.

“**Pakej**” bermaksud gabungan pakej ASM dan ASN Sara 1 / ASN Sara 2/ ASN Sukuk / ASN Equity 5 / ASN Imbang 1 sebagai satu pakej.

“**Penilaian Harga Hadapan**” adalah satu mekanisme di mana pembelian unit dana yang dibuat hari ini akan dilaksanakan pada harga yang ditentukan pada hari berikutnya selepas permohonan untuk membeli unit di terima oleh pengurus.

“**Tempoh Bertenang**” bermaksud pelabur yang melabur dalam mana-mana Tabung harga berubah buat kali pertama dibenarkan untuk memohon pembayaran balik dalam tempoh enam (6) hari bekerja bermula dari tarikh pelaburan pertama berjaya dibuat.

“**Hak Tempoh Bertenang**” merujuk kepada hak Pemegang Unit yang melabur buat pertama kali dalam mana-mana dana harga berubah yang diuruskan oleh Pengurus, untuk mendapatkan bayaran balik pelaburannya sekiranya beliau membuat permintaan dalam Tempoh Bertenang. Bayaran balik bagi setiap Unit yang dipegang oleh Pemegang Unit mengikut pelaksanaan Hak Bertenang hendaklah merupakan jumlah:

- i. yang lebih rendah antara:
 - a. Nilai Aset Bersih (NAB) seunit pada hari Unit tersebut mula-mula dibeli (“harga asal”); atau
 - b. NAB seunit pada waktu pelaksanaan Hak Bertenang (“harga pasaran”); dan
- ii. caj jualan yang dikenakan pada hari Unit tersebut dibeli.

2. Tempoh Promosi

Promosi ini akan **bermula pada 1 September 2025 dan akan berakhir pada 31 December 2025** (kedua-dua tarikh adalah termasuk) (“Tempoh Promosi”) atau tertakluk pada ketersediaan unit dan berdasarkan yang didahulukan untuk dana Harga Tetap ASNB sebagaimana mestinya ditentukan mengikut budi bicara Bank.

3. Kelayakan

3.1 Promosi ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia sama ada pelanggan Bank yang baru dan sedia ada mengikut kategori kelayakan dana (“Pelanggan yang Layak”).

Terma dan Syarat – Pakej Solusi Perancang Kewangan ASNB 2025

- 3.2 Promosi ini juga terbuka kepada seluruh pekerja Kumpulan AmBank.
- 3.3 Walau bagaimanapun, berikut merupakan mereka yang tidak layak untuk menyertai Promosi ini; -
- a) Pelanggan bukan individu yang merujuk kepada syarikat, badan korporat, persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi yang tidak menguntungkan, badan amal, pemilik tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang didaftarkan atau diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia;
 - b) Individu yang tidak mampu bayar secara kewangan atau telah diadili sebagai muflis; dan atau
 - c) Mana-mana orang lain sebagaimana Bank boleh memutuskan untuk mengecualikan mengikut budi bicaranya.

4. Mekanisma Promosi

- 4.1 Pada dasarnya, Promosi ini memberi tumpuan kepada kombinasi produk Dana Harga Tetap ASNB dan Dana Berubah Berubah ASNB dengan tempoh penguncian yang dikenakan bergantung kepada pakej yang dipilih.
- 4.2 Bagi setiap langganan Pakej, jumlah pelaburan dalam kedua-dua unit amanah yang terlibat akan tertakluk kepada Tempoh Terkunci selama 3 bulan (Pakej 1) atau 1 bulan (Pakej 2) dari tarikh langganan (“Tempoh Terkunci”). Sepanjang tempoh terkunci ini, sebarang pengeluaran (redemption), pemindahan keluar (transfer-out), dan pertukaran keluar (switching out) unit di bawah Pakej tidak dibenarkan. Pembatalan langganan Pakej ini atau pengeluaran awal sebelum tamat Tempoh Terkunci adalah tidak dibenarkan, kecuali dalam keadaan tertentu seperti pelaksanaan hak tempoh bertenang.

Pelanggan Layak pada setiap masa boleh melabur didalam dengan kadar minimum Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000); seperti dalam Pakej 1 dan pakej 2 seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 1 di bawah, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.

Jadual 1

Pakej 1	Mekanisma				
	Nama Dana	Jumlah Pakej Minimum	Pelaburan Nisbah (%) dan Amaun	Caj Jualan Permulaan	Tempoh penguncian
Dana Harga Tetap	ASM	RM10,000 (Tiada jumlah maksimum)	70% (RM7,000)	Tiada	Tiga bulan
Dana Harga Berubah	ASN Sara 1 atau ASN Sara 2 atau ASN Sukuk		30% (RM3,000)	1.00%	

Terma dan Syarat – Pakej Solusi Perancang Kewangan ASNB 2025

Pakej 2	Mekanisma				
	Nama Dana	Jumlah Pakej Minimum	Pelaburan Nisbah (%) dan Amaun	Caj Jualan Permulaan	Tempoh penguncian
Dana Harga Tetap	ASM	RM10,000 (Tiada jumlah maksimum)	60% (RM6,000)	Tiada	Satu bulan
Dana Harga Berubah	ASN Equity 5 atau ASN Imbang 1		40% (RM4,000)	1.00%	

4.3 Hak tempoh bertenang hanya terpakai bagi pelanggan yang layak dan pertama kali melakukan pelaburan awal mereka dalam ASN Sara 1 dan/atau ASN Sara 2 dan/atau ASN Sukuk dan/atau ASN Equity 5 dan/atau ASN Imbang 1, Sekiranya pelanggan memilih untuk melaksanakan hak bertenang, jumlah pelaburan keseluruhan di bawah Pakej 1 dan/atau Pakej 2 yang merangkumi dana Harga Tetap dan Harga Berubah akan dipulangkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.

5. Kriteria Promosi

- 5.1 Nisbah Dana Harga Tetap ASNB berbanding Dana Harga Berubah ASNB telah ditetapkan oleh ASNB seperti Jadual 1 di atas untuk pakej ini.
- 5.2 Pelaburan Pakej gabungan adalah tertakluk kepada jumlah pelaburan minimum Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) pada setiap masa.
- 5.3 Gabungan langganan untuk mana-mana Dana Harga Berubah ASNB dalam satu transaksi tidak dibenarkan.
- 5.4 Pelanggan yang layak bagi kedua-dua Dana Harga Berubah/Dana Harga Tetap mestilah individu yang sama.
- 5.5 Caj jualan yang perlu dibayar oleh Pelanggan yang Layak dikenakan oleh ASNB (seperti pada butir 4.1 untuk Nama Dana / Pakej masing-masing).
- 5.6 Pada titik pelaburan dalam Dana Harga Berubah, lain-lain tawaran dan/atau promosi dan/atau diskaun pada caj jualan seperti yang diiklan oleh Bank adalah tidak berkenaan pada Promosi ini.
- 5.7 Pihak Bank berhak untuk tidak bertanggungjawab sekiranya langganan bagi dana ASM tidak berjaya atas sebab-sebab tertentu dan sebagainya.

6. Umum

- 6.1 Berikut adalah terma-terma dan syarat-syarat tambahan kepada terma-terma dan syarat-syarat sedia ada (jika ada) yang mengawal selia peruntukan bagi produk dan cadangan yang dirujuk di dalam Promosi ini. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan antara kesemua terma dan syarat, maka Terma dan Syarat ini akan diguna pakai berhubung Promosi ini. Sila rujuk Halaman Serlahan Produk ("HSP") di https://www.asnb.com.my/asnbv2_2funds.php#hargaberubah untuk ciri penuh dana yang ditawarkan di bawah Promosi ini.

Terma dan Syarat – Pakej Solusi Perancang Kewangan ASNB 2025

- 6.2 Pelanggan Layak perlu untuk menandatangani kesemua dokumen berkenaan dan mematuhi segala Terma dan Syarat yang ditetapkan berkenaan dengan pelaburan yang diambil serta dana berkaitan dibawah Promosi ini, dimana merupakan tambahan kepada Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini.
- 6.3 Pelaburan di dalam ASNB Dana Harga Berubah adalah bukan merupakan tanggungjawab atau jaminan oleh pihak Bank dan ianya tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kerugian daripada keuntungan yang dilaburkan. Pelanggan adalah dinasihati untuk membaca dan memahami Prospektus dana dan Halaman Serlahan Produk ("HSP") yang berkenaan sebelum melabur.
- 6.4 Penafian: Prospektus Elektronik, sebarang prospektus tambahan, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global, Prospektus ASN Equity Global, Prospektus ASN Sukuk ("Prospektus elektronik") dan Halaman Serlahan Produk mesti dibaca dan difahami sebelum membuat sebarang keputusan. Sila ambil perhatian bahawa salinan/cetakan Prospektus Elektronik dan HSP serta borang permohonan boleh didapati di semua cawangan ASNB dan ejen. Sebarang maklumat di luar ruang yang ditetapkan tidak membentuk sebahagian daripada Prospektus Elektronik dan HSP dan tabung unit amanah ditawarkan semata-mata berdasarkan maklumat yang terkandung dalam Prospektus Elektronik.

Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Produk pelaburan tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

- 6.5 Pihak Bank mempunyai hak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan Layak daripada menyertai Promosi ini sekiranya didapati bahawa;
- a) Pelanggan Layak telah memberikan maklumat yang salah atau berlakunya penipuan dalam maklumat dalam apa cara semasa tempoh Promosi; atau
 - b) Pelanggan Layak telah melanggar atau berpotensi untuk melanggar Terma dan Syarat yang ditetapkan disini.
- 6.6 Tawaran didalam Promosi ini mestilah tidak digabungkan dengan lain-lain tawaran dari mana-mana Promosi lain yang dianjurkan oleh pihak Bank. Oleh itu, tiada kadar lain yang menjadi keutamaan, istimewa, atau tambahan "Simpanan Tetap" yang akan diberikan menerusi Promosi ini.
- 6.7 Pihak Bank mempunyai hak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Promosi ini sebelum atau selepasnya dan berhak untuk mengubahsuai mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya tiga (3) hari kalendar notis, notis yang akan dimuat naik melalui laman web Bank di www.ambank.com.my atau melalui mana-mana saluran atau saluran lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
- 6.8 Sebarang notis yang dijana oleh pihak Bank akan disiarkan didalam laman web rasmi Bank www.ambank.com.my

Terma dan Syarat – Pakej Solusi Perancang Kewangan ASNB 2025

- 6.9 Keputusan Bank untuk segala perkara-perkara yang berkaitan dengan Promosi ini adalah dan mengikat kepada semua Pelanggan Layak. Segala rayuan atau surat-menyurat tidak akan dilayan.
- 6.10 Sebarang perkara-perkara yang tidak disebut didalam Terma dan Syarat ini sepatutnya ditentukan oleh pihak Bank.
- 6.11 Bank atau mana-mana pegawai, pekhidmat, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk tanpa batasan, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat oleh Bank untuk tujuan Promosi ini) tidak bertanggungjawab kepada:
- a) Sebarang kehilangan atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau turutan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Promosi ini kecuali kehilangan dan kerosakan yang secara langsung akibat dari kecuaiian, kesalahan yang disengajakan atau penipuan bagi pihak bank.
 - b) Sebarang peristiwa yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, penguncian, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan Bank.
- 6.12 Semua pertikaian mengenai pembinaan, kesahan, penguatkuasaan dan penafsiran terma dan syarat yang ditetapkan di sini akan diatur oleh, ditafsirkan dan dikuatkuasakan sesuai dengan undang-undang Malaysia. Para pihak dengan ini bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia untuk tujuan tuntutan, tindakan atau proses lain yang timbul dari atau berdasarkan terma dan syarat di sini.
- 6.13 Terma dan syarat yang terkini (jika ada) boleh didapati daripada laman web Bank melalui <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>
- 6.14 Versi Bahasa Malaysia Terma dan Syarat ini juga terpakai. Sekiranya terdapat percanggahan atau percanggahan dalam penafsiran Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia dari setiap Terma dan Syarat ini akan ditafsirkan sebagai setara antara satu sama lain, dan setiap Terma dan Syarat yang ditetapkan akan membawa sama maksud.
- 6.15 Pelaburan dalam Unit Amanah tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia "PIDM".
- 6.16 Jika anda ingin mendapatkan penjelasan mengenai Promosi ini, anda boleh menghubungi kami di 03-2178 8888 beroperasi setiap hari dari pukul 7.00 pagi hingga 11.00 petang atau emel kami di customercare@ambankgroup.com.

**Terma dan Syarat –
Pakej Solusi Perancang Kewangan ASNB 2025**

SEKSYEN PERAKUAN

Nama Cawangan _____

(untuk diisi dan ditandatangani oleh Pelanggan Layak)

PERINGATAN: Pelanggan yang Layak dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat yang terkandung dalam Terma dan Syarat Umum ini sebelum menandatangani Borang Permohonan. Sekiranya terdapat terma dan syarat dalam Terma dan Syarat ini yang tidak difahami oleh Pelanggan yang Layak, Pelanggan yang Layak dengan ini dinasihatkan untuk berbincang lebih lanjut dengan wakil sah Bank sebelum menandatangani Borang Permohonan.

Yang Benar,

Tandatangan Pelanggan
(Disahkan oleh Pegawai Bank)
Nama :
Tarikh :